

SULIT



LEMBAGA PEPERIKSAAN
KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA

SIJIL PELAJARAN MALAYSIA 2020

PRINSIP PERAKAUNAN

3756/1

Kertas 1

Okt./Nov.

1 $\frac{1}{4}$ jam

Satu jam lima belas minit

JANGAN BUKA KERTAS PEPERIKSAAN INI SEHINGGA DIBERITAHU

1. *Kertas peperiksaan ini mengandungi 40 soalan*
2. *Jawab semua soalan.*
3. *Tiap-tiap soalan diikuti oleh empat pilihan jawapan, iaitu A, B, C dan D. Bagi setiap soalan, pilih satu jawapan sahaja. **Hitamkan** jawapan anda pada kertas jawapan objektif yang disediakan.*
4. *Jika anda hendak menukar jawapan, padamkan tanda yang telah dibuat. Kemudian hitamkan jawapan yang baharu.*
5. *Anda dibenarkan menggunakan kalkulator saintifik.*

- 6 (a) Maklumat berikut diperolehi daripada buku perniagaan Rancak Niaga bagi tahun berakhir 31 Mei 2019:

	RM
Jualan (termasuk jualan kredit RM200 000)	600 000
Inventori pada 1 April 2018	50 000
Inventori pada 31 Mei 2019	47 000
Belian	428 000
Jumlah hasil operasi	3 000
Jumlah belanja operasi	15 000
Bank	90 000
Akaun belum terima	62 000
Akaun belum bayar	48 000
Tunai	2 000
Pinjaman bank (matang pada 31 Mei 2020)	80 000
Modal pada 1 April 2018	480 000

Maklumat tambahan:

	31 Mei 2018
Peratus Untung Kasar atas Kos Jualan (Tokokan)	35.20%
Pulangan atas Modal	30.80%
Nisbah Semasa	2.7:1
Tempoh Kutipan Hutang	135 hari

- (i) **Anda dikehendaki menghitung** nisbah-nisbah berikut bagi tahun berakhir 31 Mei 2019 (jawapan dalam 2 tempat perpuluhan).
- | | |
|--|------------|
| (1) Peratus Untung Kasar atas Kos Jualan (Tokokan) | [2 markah] |
| (2) Pulangan atas Modal | [2 markah] |
| (3) Nisbah Semasa | [2 markah] |
| (4) Tempoh Kutipan Hutang | [2 markah] |
- (ii) Berdasarkan jawapan anda di 6(a)(i), tahun manakah yang menunjukkan pengurusan hutang Rancak Niaga yang lebih cekap?
Berikan alasan. [2 markah]

- (b) Sunny seorang peniaga dalam sebuah perniagaan milikan tunggal. Untung bersih perniagaan bagi tahun berakhir 30 Jun 2019 ialah RM30 000.
Selepas penyediaan Imbangan Duga dan Akaun penamat, beberapa kesilapan telah dikesan seperti berikut:

- Invois yang dikeluarkan kepada Saliza terkurang catat RM500.
- Bil elektrik bagi bulan Jun RM750 belum dibayar.
- Belanja memperbaiki komputer RM150 telah direkod dalam Akaun Komputer.

Anda dikehendaki:

- Menyediakan catatan jurnal untuk merekod kesilapan berkenaan (keterangan tidak diperlukan). [6 markah]
- Hitung untung bersih selepas pelarasan (tunjukkan jalan kerja). [4 markah]

- 1 Jurnal Am berikut diambil daripada rekod perniagaan Kedai Runcit Rau.

Tarikh	Butir	Debit RM	Kredit RM
2020 Mei 25	Ambilan Belian	600	600

Apakah andaian perakaunan yang dipatuhi oleh Encik Rau?

- A Ketekalan
- B Prinsip Kos
- C Kos Manfaat
- D Entiti Berasingan

- 2 Persamaan berikut adalah komponen Ekuiti Pemilik.

$$\text{Ekuiti Pemilik} = \text{Modal} - Q - \text{Ambilan}$$

Apakah Q?

- A Rugi bersih
- B Modal akhir
- C Untung bersih
- D Modal tambahan

- 3 Petikan dialog berikut berlaku di antara Cikgu Zamri dengan murid-muridnya.

Cikgu Zamri : Baiklah murid-murid, selain inventori, siapa boleh beri contoh lain bagi aset semasa?

Zaidi : Perabot.

Alif : Bank.

Zaitun : Modal.

Muis : Ambilan.

Berdasarkan pertanyaan Cikgu Zamri, siapakah yang menjawab dengan betul?

- A Alif
- B Zaidi
- C Zaitun
- D Muis

- 4 Perbualan berikut berlaku antara Encik Tan, pekerja di Pemborong Alat Tulis Maju dan Puan Jenny, pekerja di Kedai Buku Usaha.

Encik Tan : Puan Jenny, dokumen yang kami hantar semalam telah terkurang caj. Jadi kami akan hantar satu dokumen untuk pembetulan harga.

Puan Jenny : Baiklah Encik Tan. Kami akan buat pembayaran berdasarkan pelarasan harga yang baharu.

Berdasarkan perbualan di atas, apakah dokumen yang akan dihantar kepada Puan Jenny?

- A Invois
 B Nota debit
 C Nota kredit
 D Makluman kredit
- 5 Urus niaga berikut diambil daripada Perniagaan Keylang.

Aset		Liabiliti dan Ekuiti Pemilik	
Alatan Pejabat	Bank	Modal	Pinjaman
RM	RM	RM	RM
5 000	45 000	–	50 000

Apakah urus niaga yang melibatkan jadual persamaan perakaunan di atas?

- A Membayar pinjaman bank RM50 000 dan membeli mesin pencetak RM5 000. Bakinya dibankkan.
 B Membayar pinjaman bank RM50 000 dan menjual mesin pencetak RM5 000. Bakinya dibankkan.
 C Menerima pinjaman bank RM50 000 dan membeli mesin pencetak RM5 000. Bakinya dibankkan.
 D Menerima pinjaman bank RM50 000 dan menjual mesin pencetak RM5 000. Bakinya dibankkan.
- 6 Aliran dokumen perniagaan manakah yang berlaku dalam suatu urus niaga kredit?
- A Pesanan Belian → Nota Kredit → Invois → Cek → Resit
 B Pesanan Belian → Invois → Nota Kredit → Cek → Resit
 C Pesanan Belian → Cek → Invois → Nota Kredit → Resit
 D Pesanan Belian → Nota Kredit → Cek → Invois → Resit
- 7 Urus niaga manakah yang tidak dicatat dalam Jurnal Am?
- A Membeli alat pejabat secara kredit
 B Membawa masuk perabot ke dalam perniagaan
 C Mengeluarkan wang tunai untuk kegunaan peribadi
 D Memindahkan akaun hasil dan belanja ke akaun penamat

8 Maklumat berikut adalah urus niaga Kedai Buku Arif.

- I Beli komputer secara kredit
- II Jualan kredit rak buku terpakai
- III Pelanggan memulangkan buku rosak
- IV Menghantar nota debit kepada pelanggan

Urus niaga manakah direkodkan dalam Jurnal Khas?

- A I dan II
- B I dan IV
- C II dan III
- D III dan IV

9 Akaun berikut diambil daripada rekod sebuah perniagaan.

Akaun Jualan				
			2020	RM
	Jan. 1	Baki b/b		4 580
	31	Akaun Belum Terima		17 820

Angka RM17 820 diperolehi daripada

- A Jurnal Am
- B Jurnal Belian
- C Jurnal Jualan
- D Jurnal Penerimaan Tunai

10 Catatan bergu bagi urus niaga P adalah seperti berikut:

Akaun Sewa			
2020			RM
Mac 31	Modal		2 600

Akaun Modal				
			2020	RM
	Mac 31	Sewa		2 600

Apakah urus niaga P?

- A Pemilik membawa masuk tunai RM2 600 ke dalam perniagaan
- B Bayaran sewa RM2 600 dengan mengurangkan modal pemilik
- C Perniagaan membuat bayaran sewa RM2 600 dengan tunai di bank
- D Pemilik membuat bayaran sewa kedai RM2 600 menggunakan wang peribadinya

11 Maklumat berikut diambil daripada perniagaan Chenang Trading.

2019		RM
Jan. 1	Baki debit Lejar Jualan	4 400
Dis. 31	Bayaran daripada Akaun Belum Terima	25 600
	Diskaun diberi	580
	Pulangan masuk	590
	Hutang lapuk	345
	Baki debit Lejar Jualan	4 840

Berapakah jualan kredit Chenang Trading?

- A RM17 875
 - B RM26 675
 - C RM26 865
 - D RM27 555
- 12 Pantun empat kerat berikut menggambarkan fungsi yang berkaitan perakaunan.

Pergi ke kebun menebas semak
Sambil menebas ternampak kera
Ketepatan catatan urus niaga dapat disemak
Apatah lagi ketepatan mengira

Manakah yang berikut menepati pantun di atas?

- A Jurnal am
 - B Jurnal khas
 - C Imbangan duga
 - D Penyata kedudukan kewangan
- 13 Maklumat berikut diperoleh daripada buku Perniagaan Hazlan Enterprise pada 30 Jun 2020.

Imbangan Duga pada 30 Jun 2020 (Petikan)

Butir	Debit RM	Kredit RM
Ambilan	150	
Pulangan masuk	300	
Angkutan keluar		410
Bank		590

Butir manakah dicatat dengan tidak tepat?

- A Bank
- B Ambilan
- C Angkutan keluar
- D Pulangan masuk

- 14 Pernyataan yang manakah merupakan ciri milikan tunggal?
- A Liabiliti tidak terhad
 - B Berdaftar dengan Akta Syarikat 1965
 - C Modal dikumpulkan melalui terbitan saham
 - D Kos pembentukan dan pengendalian adalah tinggi
- 15 Pilih tatacara penutupan akaun yang betul.
- I Belian dipindah ke Akaun Perdagangan
 - II Komisen dipindah ke Akaun Untung Rugi
 - III Perabot dipindah ke Penyata Kedudukan Kewangan
 - IV Akaun Inventori dipindah ke Akaun Untung Rugi
- A I dan II
 - B I dan III
 - C II dan IV
 - D III dan IV
- 16 Pelupusan mesin fotostat akan memberi kesan kepada Penyata Kedudukan Kewangan. Bahagian manakah dalam penyata tersebut yang terlibat?
- A Modal Kerja
 - B Aset Semasa
 - C Liabiliti Semasa
 - D Aset Bukan Semasa
- 17 Antara yang berikut, yang manakah kaedah menghitung susut nilai aset bukan semasa?
- I Analisis
 - II Garis lurus
 - III Perbandingan
 - IV Baki berkurangan
- A I dan II
 - B I dan III
 - C II dan IV
 - D III dan IV

18 Baki aset dan liabiliti berikut diperoleh daripada buku Perniagaan Xan pada 1 Januari 2020.

	RM
Premis	30 000
Overdraf bank	1 750
Tunai	700
Akaun Belum Terima: Syarikat Padu	5 000

Catatan pembukaan dalam Jurnal Am manakah yang betul?

A

Tarikh	Butir	Debit	Kredit
2020		RM	RM
Jan. 1	Premis	30 000	
	Overdraf bank	1 750	
	Tunai	700	
	Akaun Belum Terima: Syarikat Padu		5 000
	Modal		27 450

B

Tarikh	Butir	Debit	Kredit
2020		RM	RM
Jan. 1	Premis	30 000	
	Tunai	700	
	Akaun Belum Terima: Syarikat Padu	500	
	Overdraf bank		1 750
	Modal		33 950

C

Tarikh	Butir	Debit	Kredit
2020		RM	RM
Jan. 1	Premis	30 000	
	Tunai	700	
	Akaun Belum Terima: Syarikat Padu	5 000	
	Overdraf bank	1 750	
	Modal		37 450

D

Tarikh	Butir	Debit	Kredit
2020		RM	RM
Jan. 1	Premis	30 000	
	Tunai	700	
	Akaun Belum Terima: Syarikat Padu		5 000
	Overdraf bank		1 750
	Modal		33 950


19 Maklumat berikut berkaitan Aset Bukan Semasa Syarikat Mesra.

Tarikh beli	: 1 Januari 2018
Mesin (Kos)	: RM8 000
Kadar susut nilai	: 10% setahun atas kos
Tarikh jual	: 31 Disember 2019
Harga jualan	: RM4 000

Berapakah rugi atas pelupusan aset berkenaan?

- A RM2 400
- B RM2 480
- C RM3 200
- D RM4 000

20 Maklumat berikut berkaitan dengan kesilapan tidak ketara.



Apakah M?

- A Kesilapan prinsip
- B Kesilapan amaun
- C Kesilapan komisen
- D Kesilapan songsang

21 Rumus manakah yang betul?

- A Nisbah Semasa = $\frac{\text{Liabiliti Semasa}}{\text{Aset Semasa}}$
- B Inventori Purata = $\frac{\text{Inventori Akhir} - \text{Inventori Awal}}{2}$
- C Pulangan Atas Modal = $\frac{\text{Untung Bersih}}{\text{Modal awal}}$
- D Kadar Pusing Ganti Inventori = $\frac{\text{Kos Jualan}}{\text{Inventori Purata}}$

- 22 Sewa diterima sebanyak RM850 direkodkan dengan betul dalam Buku Tunai (lajur bank) tetapi tersilap rekod dalam Akaun Sewa Diterima sebagai RM805.

Bagaimanakah kesilapan ini dibetulkan dalam lejar?

A

Akaun Sewa Diterima	
	RM
Bank	805 <i>Mac</i>
	850

B

Akaun Sewa Diterima	
	RM
Bank	850 <i>Mac</i>
	805

C

Akaun Sewa Diterima	
	RM
Bank	805 <i>Mac</i>
	850

D

Akaun Sewa Diterima	
	RM
Bank	850 <i>Mac</i>
	805

- 23 Petikan imbangan duga berikut diambil daripada buku seorang peniaga. Ketika penyediaan Penyata Kewangan, terdapat kesilapan telah dikesan.

Imbangan Duga Pada 31 Disember 2019 (Petikan)

	Debit	Kredit
	RM	RM
Jualan		8 120
Akaun Belum Terima	2 090	

Maklumat tambahan:

Kerani terlupa merekodkan sekeping invois yang dihantar kepada pelanggan bernilai RM169.

Bagaimanakah urus niaga ini dibetulkan dalam Jurnal Am?

A

Jurnal Am			
Tarikh	Butir	Debit	Kredit
2019		RM	RM
Dis. 31	Akaun Belum Terima	2 259	
	Jualan		2 259

B Jurnal Am

Tarikh	Butir	Debit	Kredit
2019 Dis. 31	Akaun Belum Terima Jualan	RM 7 951	RM 7 951


C Jurnal Am

Tarikh	Butir	Debit	Kredit
2019 Dis. 31	Akaun Belum Terima Jualan	RM 8 289	RM 8 289

D Jurnal Am

Tarikh	Butir	Debit	Kredit
2019 Dis. 31	Akaun Belum Terima Jualan	RM 169	RM 169

24 Rajah 1 menunjukkan maklumat yang terdapat dalam Akaun Pengasingan Untung Rugi.



Rajah 1

Apakah Q?

- A Ambilan
- B Untung Kasar
- C Kongsi Untung
- D Faedah atas Pinjaman Pekongsi


25 Perniagaan Mak Uda menyimpan rekod perniagaannya tetapi tidak lengkap. Maklumat berikut diperoleh pada 30 Jun 2020.

	RM
Modal 1 Julai 2019	10 000
Modal 30 Jun 2020	25 000
Ambilan	1 500
Modal tambahan	5 000

Berapakah untung Perniagaan Mak Uda?

- A RM8 500
- B RM11 500
- C RM18 500
- D RM21 500

26 Graf 1 menunjukkan perbandingan prestasi tempoh kutipan hutang bagi dua buah perniagaan.



Graf 1

Pilih pernyataan yang benar tentang pengurusan kutipan hutang bagi kedua-dua buah perniagaan.

- I Qistina Enterprise menjelaskan hutang dalam tempoh 21 hari berbanding Prima Enterprise.
 - II Qistina Enterprise sangat efisien dalam pengurusan hutang berbanding Prima Enterprise.
 - III Qistina Enterprise lebih cepat menerima bayaran hutang berbanding Prima Enterprise.
 - IV Qistina Enterprise sukar mengutip hutang kerana tempoh lebih rendah berbanding Prima Enterprise.
- A I dan II
 B I dan IV
 C II dan III
 D III dan IV

27 Maklumat berikut diperolehi daripada Perniagaan Pelangi Raya.

Perniagaan Pelangi Raya
Penyata Mengira Untung Rugi bagi tahun berakhir
31 Disember 2019

	RM	RM
Modal akhir		30 250
Tambah: X		1 500
		31 750
Tolak: Modal awal	27 510	
Y	2 400	
		29 910
		1 840

Apakah X dan Y?

	X	Y
A	Ambilan	Modal tambahan
B	Modal tambahan	Ambilan
C	Untung bersih	Ambilan
D	Modal tambahan	Rugi bersih

28 Pernyataan manakah yang benar berkenaan dengan Belanjawan Tunai?

- I Kurangan yang berlaku menunjukkan kerugian perniagaan
 - II Lebihan yang diperoleh menunjukkan perniagaan mempunyai kawalan tunai yang baik
 - III Pembayaran sebenar yang melebihi jangkaan pembayaran menunjukkan prestasi yang memuaskan
 - IV Penerimaan sebenar yang melebihi jangkaan penerimaan menunjukkan prestasi yang memuaskan
- A I dan III
B II dan IV
C II dan III
D I dan IV

29 Pernyataan manakah yang terdapat dalam Seksyen 26 Akta Perkongsian 1961?

- A Faedah dibayar atas modal pekongsi
- B Untung atau rugi dibahagi sama rata
- C Setiap pekongsi berhak mendapat gaji
- D Faedah atas pinjaman pekongsi sebanyak 10% setahun

30 Butiran Ekuiti Pemilik yang manakah terdapat dalam Penyata Kedudukan Kewangan perkongsian?

- A Ambilan
- B Modal Kerja
- C Untung Bersih
- D Akaun Semasa

31 Berikut adalah perbandingan antara Butik Nur & Intan dengan Butik Intan.


	Butik Nur & Intan	Aspek Perakaunan	Butik Intan
I	Agihkan kepada Nur dan Intan	Untung bersih	Milik Intan
II	Sumbangan oleh Intan	Modal permulaan	Sumbangan oleh Intan dan adik beradiknya
III	– Akaun Perdagangan dan Untung Rugi – Akaun Pengasingan Untung Rugi	Akaun Penamat	– Akaun Perdagangan – Akaun Untung Rugi
IV	Modal awal, ambilan, untung bersih	Ekuiti Pemilik	–Akaun Modal –Akaun Semasa

Pilih padanan yang betul.

- A I dan III
- B I dan IV
- C II dan III
- D II dan IV

- 32 Puan Miza seorang pekongsi menerima gaji sebanyak RM15 000 setahun. Sepanjang tahun kewangan, beliau telah menerima gaji sebanyak RM9 000.

Pilih carta bar yang mewakili gaji dalam pernyataan di atas.



- 33 Susun langkah pembubaran bagi Restoran Iman dan Aman.
- I Restoran menjelaskan semua hutang jangka pendek dan jangka panjang
 - II Restoran membuat pembayaran kepada Iman dan Aman mengikut baki akhir Akaun Modal dan Akaun Semasa masing-masing
 - III Restoran menutup semua Akaun Aset kecuali Akaun Bank dan Akaun Tunai
 - IV Nama perniagaan Restoran Iman dan Aman dibatalkan di Syarikat Suruhanjaya Malaysia (SSM)
 - V Aset restoran dijual atau diambil alih oleh Iman dan Aman
- A III, IV, V, II, I
 B IV, III, V, I, II
 C III, V, I, II, IV
 D IV, V, I, II, III
- 34 Syarikat Hydro Luna Berhad bercadang untuk mengagihkan keuntungan kepada pemegang syernya. Keuntungan yang diperoleh syarikat pada akhir tempoh kewangan ialah RM46 800.
- Maklumat diperoleh menunjukkan syarikat telah menerbitkan 150 000 unit 6% syer keutamaan pada harga RM2.00 sesyer dan 180 000 unit syer biasa pada harga RM1.00 sesyer.
- Berapa peratuskah dividen yang diberi kepada pemegang syer biasa?
- A 16%
 B 21%
 C 25%
 D 26%

- 35 Kelab Sofbol Seri Chemor telah mengadakan aktiviti jualan sempena Majlis Anugerah Kecemerlangan Sofbol Negeri Perak.

Maklumat berikut adalah pendapatan dan perbelanjaan pada hari berkenaan.

	RM
Bahan masakan	850
Hasil jualan	1 900
Sewa tapak	50
Bahan bungkusan	100

Apakah yang diperoleh kelab berkenaan?

- A Untung RM900
 B Untun RM1 000
 C Rugi RM900
 D Rugi RM1 000
- 36 Maklumat berikut adalah berkaitan yuran Kelab Bola Jaring Kampung Damai bagi tahun berakhir 31 Disember 2019.

	RM
Yuran 2018	45
Yuran 2019	1 370
Yuran 2020	60

Maklumat tambahan:

- (i) Pada 1 Januari 2019 yuran belum terima RM45
 (ii) Yuran tahun 2019 yang belum terima ialah RM25

Berapakah yuran yang dicatat dalam Akaun Pendapatan dan Perbelanjaan?

- A RM1 395
 B RM1 435
 C RM1 465
 D RM1 555
- 37 Maklumat berkaitan aset dan liabiliti berikut adalah bagi Kelab Permainan Dron pada 1 Januari 2020.

	RM
Rumah Kelab	58 500
Akaun belum bayar kantin	1 700
Inventori kantin	2 400
Akaun belum terima kantin	1 200
Yuran belum terima	520
Yuran belum terperoleh	230
Tunai di bank	7 800
Kadar bayaran belum bayar	120

Berapakah dana terkumpul pada tarikh berkenaan?

- A RM67 790
 B RM68 370
 C RM68 830
 D RM69 370

38 Berikut ialah komponen kos pengeluaran. Pilih padanan yang betul.

	Komponen Kos	Belanja
A	Kos Overhed	Promosi
B	Kos Bahan Langsung	Angkutan keluar
C	Kos Buruh Langsung	Gaji Jurujual
D	Belanja Langsung Kilang	Royalti

39 Perniagaan Waadah memberikan maklumat berkaitan keluaran kemeja.

	RM
Kos tetap	5 000
Kos berubah sehelai kemeja	10
Harga jualan sehelai kemeja	15

Berapakah titik pulang modal Perniagaan Waadah?

- A 200 helai
 B 330 helai
 C 500 helai
 D 1 000 helai
- 40 Maklumat berikut diperolehi daripada Syarikat Bestari Berhad, pengeluar barangan permainan kanak-kanak.

	RM
Belanja am kilang	10 890.00
Kadar bayaran kilang	35 100.00
Bahan langsung	3.50 seunit
Buruh langsung	4.00 seunit
Harga jualan	8.00 seunit
Jumlah keluaran sebanyak 30 000 unit	

Berapakah jumlah kos?

- A RM45 990
 B RM60 990
 C RM225 000
 D RM270 990

KERTAS JAWAPAN OBJEKTIF

SPM

GUNAKAN PENSEL 2B ATAU BB SAHAJA.
TENTUKAN TIAP-TIAP TANDA ITU HITAM DAN MEMENUHI KESELURUHAN RUANG.
PADAMKAN HINGGA HABIS MANA-MANA TANDA YANG ANDA UBAH.

A MAKLUMAT CALON

NAMA CALON:

ANGKA GILIRAN									
A	A	0	0	0	A	0	0	0	
B	B	1	1	1	B	1	1	1	
C	C	2	2	2	C	2	2	2	
D	D	3	3	3	D	3	3	3	
E	E	4	4	4	E	4	4	4	
F	F	5	5	5	F	5	5	5	
G	G	6	6	6	G	6	6	6	
H	H	7	7	7	H	7	7	7	
I	I	8	8	8	I	8	8	8	
J	J	9	9	9	J	9	9	9	
K	K				K				
L	L				L				
M	M				M				
N	N				N				
O	O				O				
P	P				P				
Q	Q				Q				
R	R				R				
S	S				S				
T	T				T				
U	U				U				
V	V				V				
W	W				W				
X	X				X				
Y	Y				Y				
Z	Z				Z				

NOMBOR KAD PENGENALAN									
A	0	0	0	0	0	0	0	0	0
H	1	1	1	1	1	1	1	1	1
I	2	2	2	2	2	2	2	2	2
K	3	3	3	3	3	3	3	3	3
L	4	4	4	4	4	4	4	4	4
P	5	5	5	5	5	5	5	5	5
T	6	6	6	6	6	6	6	6	6
W	7	7	7	7	7	7	7	7	7
S	8	8	8	8	8	8	8	8	8
B	9	9	9	9	9	9	9	9	9
7									
B									

KOD DAN NAMA MATA PELAJARAN

KOD	MATA PELAJARAN
<input type="radio"/> 1249	SEJARAH
<input type="radio"/> 1511	SAINS
<input type="radio"/> 2280	GEOGRAFI
<input type="radio"/> 2611	PENDIDIKAN SENI
<input type="radio"/> 3755	PERNIAGAAN
<input type="radio"/> 3756	PRINSIP PERAKAUNAN
<input type="radio"/> 3757	EKONOMI
<input type="radio"/> 4531	FIZIK
<input type="radio"/> 4541	KIMIA
<input type="radio"/> 4551	BIOLOGI
<input type="radio"/> 4561	SAINS TAMBAHAN
<input type="radio"/> 4571	SAINS SUKAN

UNTUK DIISI OLEH KETUA PENGAWAS

B BAGI CALON YANG TIDAK HADIR ISIKAN DAN HITAMKAN RUANG INI.

TIDAK HADIR

TANDATANGAN
KETUA PENGAWAS

NAMA

C KES KHAS – HITAMKAN JIKA BERKENAAN BAGI CALON YANG HADIR.

- RABUN
- PEKAK
- HOSPITAL
- CICIR
- BANTAHAN
- MENUPIANG

NO. PUSAT
MENUPIANG

--	--	--	--	--

- | | | |
|--|--|--|
| 1 <input type="radio"/> (A) <input type="radio"/> (B) <input type="radio"/> (C) <input type="radio"/> (D) | 31 <input type="radio"/> (A) <input type="radio"/> (B) <input type="radio"/> (C) <input type="radio"/> (D) | 61 <input type="radio"/> (A) <input type="radio"/> (B) <input type="radio"/> (C) <input type="radio"/> (D) |
| 2 <input type="radio"/> (A) <input type="radio"/> (B) <input type="radio"/> (C) <input type="radio"/> (D) | 32 <input type="radio"/> (A) <input type="radio"/> (B) <input type="radio"/> (C) <input type="radio"/> (D) | 62 <input type="radio"/> (A) <input type="radio"/> (B) <input type="radio"/> (C) <input type="radio"/> (D) |
| 3 <input type="radio"/> (A) <input type="radio"/> (B) <input type="radio"/> (C) <input type="radio"/> (D) | 33 <input type="radio"/> (A) <input type="radio"/> (B) <input type="radio"/> (C) <input type="radio"/> (D) | 63 <input type="radio"/> (A) <input type="radio"/> (B) <input type="radio"/> (C) <input type="radio"/> (D) |
| 4 <input type="radio"/> (A) <input type="radio"/> (B) <input type="radio"/> (C) <input type="radio"/> (D) | 34 <input type="radio"/> (A) <input type="radio"/> (B) <input type="radio"/> (C) <input type="radio"/> (D) | 64 <input type="radio"/> (A) <input type="radio"/> (B) <input type="radio"/> (C) <input type="radio"/> (D) |
| 5 <input type="radio"/> (A) <input type="radio"/> (B) <input type="radio"/> (C) <input type="radio"/> (D) | 35 <input type="radio"/> (A) <input type="radio"/> (B) <input type="radio"/> (C) <input type="radio"/> (D) | 65 <input type="radio"/> (A) <input type="radio"/> (B) <input type="radio"/> (C) <input type="radio"/> (D) |
| | | |
| 6 <input type="radio"/> (A) <input type="radio"/> (B) <input type="radio"/> (C) <input type="radio"/> (D) | 36 <input type="radio"/> (A) <input type="radio"/> (B) <input type="radio"/> (C) <input type="radio"/> (D) | 66 <input type="radio"/> (A) <input type="radio"/> (B) <input type="radio"/> (C) <input type="radio"/> (D) |
| 7 <input type="radio"/> (A) <input type="radio"/> (B) <input type="radio"/> (C) <input type="radio"/> (D) | 37 <input type="radio"/> (A) <input type="radio"/> (B) <input type="radio"/> (C) <input type="radio"/> (D) | 67 <input type="radio"/> (A) <input type="radio"/> (B) <input type="radio"/> (C) <input type="radio"/> (D) |
| 8 <input type="radio"/> (A) <input type="radio"/> (B) <input type="radio"/> (C) <input type="radio"/> (D) | 38 <input type="radio"/> (A) <input type="radio"/> (B) <input type="radio"/> (C) <input type="radio"/> (D) | 68 <input type="radio"/> (A) <input type="radio"/> (B) <input type="radio"/> (C) <input type="radio"/> (D) |
| 9 <input type="radio"/> (A) <input type="radio"/> (B) <input type="radio"/> (C) <input type="radio"/> (D) | 39 <input type="radio"/> (A) <input type="radio"/> (B) <input type="radio"/> (C) <input type="radio"/> (D) | 69 <input type="radio"/> (A) <input type="radio"/> (B) <input type="radio"/> (C) <input type="radio"/> (D) |
| 10 <input type="radio"/> (A) <input type="radio"/> (B) <input type="radio"/> (C) <input type="radio"/> (D) | 40 <input type="radio"/> (A) <input type="radio"/> (B) <input type="radio"/> (C) <input type="radio"/> (D) | 70 <input type="radio"/> (A) <input type="radio"/> (B) <input type="radio"/> (C) <input type="radio"/> (D) |
| | | |
| 11 <input type="radio"/> (A) <input type="radio"/> (B) <input type="radio"/> (C) <input type="radio"/> (D) | 41 <input type="radio"/> (A) <input type="radio"/> (B) <input type="radio"/> (C) <input type="radio"/> (D) | 71 <input type="radio"/> (A) <input type="radio"/> (B) <input type="radio"/> (C) <input type="radio"/> (D) |
| 12 <input type="radio"/> (A) <input type="radio"/> (B) <input type="radio"/> (C) <input type="radio"/> (D) | 42 <input type="radio"/> (A) <input type="radio"/> (B) <input type="radio"/> (C) <input type="radio"/> (D) | 72 <input type="radio"/> (A) <input type="radio"/> (B) <input type="radio"/> (C) <input type="radio"/> (D) |
| 13 <input type="radio"/> (A) <input type="radio"/> (B) <input type="radio"/> (C) <input type="radio"/> (D) | 43 <input type="radio"/> (A) <input type="radio"/> (B) <input type="radio"/> (C) <input type="radio"/> (D) | 73 <input type="radio"/> (A) <input type="radio"/> (B) <input type="radio"/> (C) <input type="radio"/> (D) |
| 14 <input type="radio"/> (A) <input type="radio"/> (B) <input type="radio"/> (C) <input type="radio"/> (D) | 44 <input type="radio"/> (A) <input type="radio"/> (B) <input type="radio"/> (C) <input type="radio"/> (D) | 74 <input type="radio"/> (A) <input type="radio"/> (B) <input type="radio"/> (C) <input type="radio"/> (D) |
| 15 <input type="radio"/> (A) <input type="radio"/> (B) <input type="radio"/> (C) <input type="radio"/> (D) | 45 <input type="radio"/> (A) <input type="radio"/> (B) <input type="radio"/> (C) <input type="radio"/> (D) | 75 <input type="radio"/> (A) <input type="radio"/> (B) <input type="radio"/> (C) <input type="radio"/> (D) |
| | | |
| 16 <input type="radio"/> (A) <input type="radio"/> (B) <input type="radio"/> (C) <input type="radio"/> (D) | 46 <input type="radio"/> (A) <input type="radio"/> (B) <input type="radio"/> (C) <input type="radio"/> (D) | 76 <input type="radio"/> (A) <input type="radio"/> (B) <input type="radio"/> (C) <input type="radio"/> (D) |
| 17 <input type="radio"/> (A) <input type="radio"/> (B) <input type="radio"/> (C) <input type="radio"/> (D) | 47 <input type="radio"/> (A) <input type="radio"/> (B) <input type="radio"/> (C) <input type="radio"/> (D) | 77 <input type="radio"/> (A) <input type="radio"/> (B) <input type="radio"/> (C) <input type="radio"/> (D) |
| 18 <input type="radio"/> (A) <input type="radio"/> (B) <input type="radio"/> (C) <input type="radio"/> (D) | 48 <input type="radio"/> (A) <input type="radio"/> (B) <input type="radio"/> (C) <input type="radio"/> (D) | 78 <input type="radio"/> (A) <input type="radio"/> (B) <input type="radio"/> (C) <input type="radio"/> (D) |
| 19 <input type="radio"/> (A) <input type="radio"/> (B) <input type="radio"/> (C) <input type="radio"/> (D) | 49 <input type="radio"/> (A) <input type="radio"/> (B) <input type="radio"/> (C) <input type="radio"/> (D) | 79 <input type="radio"/> (A) <input type="radio"/> (B) <input type="radio"/> (C) <input type="radio"/> (D) |
| 20 <input type="radio"/> (A) <input type="radio"/> (B) <input type="radio"/> (C) <input type="radio"/> (D) | 50 <input type="radio"/> (A) <input type="radio"/> (B) <input type="radio"/> (C) <input type="radio"/> (D) | 80 <input type="radio"/> (A) <input type="radio"/> (B) <input type="radio"/> (C) <input type="radio"/> (D) |
| | | |
| 21 <input type="radio"/> (A) <input type="radio"/> (B) <input type="radio"/> (C) <input type="radio"/> (D) | 51 <input type="radio"/> (A) <input type="radio"/> (B) <input type="radio"/> (C) <input type="radio"/> (D) | |
| 22 <input type="radio"/> (A) <input type="radio"/> (B) <input type="radio"/> (C) <input type="radio"/> (D) | 52 <input type="radio"/> (A) <input type="radio"/> (B) <input type="radio"/> (C) <input type="radio"/> (D) | |
| 23 <input type="radio"/> (A) <input type="radio"/> (B) <input type="radio"/> (C) <input type="radio"/> (D) | 53 <input type="radio"/> (A) <input type="radio"/> (B) <input type="radio"/> (C) <input type="radio"/> (D) | |
| 24 <input type="radio"/> (A) <input type="radio"/> (B) <input type="radio"/> (C) <input type="radio"/> (D) | 54 <input type="radio"/> (A) <input type="radio"/> (B) <input type="radio"/> (C) <input type="radio"/> (D) | |
| 25 <input type="radio"/> (A) <input type="radio"/> (B) <input type="radio"/> (C) <input type="radio"/> (D) | 55 <input type="radio"/> (A) <input type="radio"/> (B) <input type="radio"/> (C) <input type="radio"/> (D) | |
| | | |
| 26 <input type="radio"/> (A) <input type="radio"/> (B) <input type="radio"/> (C) <input type="radio"/> (D) | 56 <input type="radio"/> (A) <input type="radio"/> (B) <input type="radio"/> (C) <input type="radio"/> (D) | |
| 27 <input type="radio"/> (A) <input type="radio"/> (B) <input type="radio"/> (C) <input type="radio"/> (D) | 57 <input type="radio"/> (A) <input type="radio"/> (B) <input type="radio"/> (C) <input type="radio"/> (D) | |
| 28 <input type="radio"/> (A) <input type="radio"/> (B) <input type="radio"/> (C) <input type="radio"/> (D) | 58 <input type="radio"/> (A) <input type="radio"/> (B) <input type="radio"/> (C) <input type="radio"/> (D) | |
| 29 <input type="radio"/> (A) <input type="radio"/> (B) <input type="radio"/> (C) <input type="radio"/> (D) | 59 <input type="radio"/> (A) <input type="radio"/> (B) <input type="radio"/> (C) <input type="radio"/> (D) | |
| 30 <input type="radio"/> (A) <input type="radio"/> (B) <input type="radio"/> (C) <input type="radio"/> (D) | 60 <input type="radio"/> (A) <input type="radio"/> (B) <input type="radio"/> (C) <input type="radio"/> (D) | |

SULIT



LEMBAGA PEPERIKSAAN
KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA

SIJIL PELAJARAN MALAYSIA 2020

PRINSIP PERAKAUNAN

3756/2

Kertas 2

Okt./Nov.

2 $\frac{1}{2}$ jam

Dua jam tiga puluh minit

JANGAN BUKA KERTAS PEPERIKSAAN INI SEHINGGA DIBERITAHU

1. *Kertas peperiksaan ini mengandungi dua bahagian: **Bahagian A dan Bahagian B.***
2. *Jawab semua soalan di **Bahagian A** dan dua soalan daripada **Bahagian B.***
3. *Tulis jawapan anda pada kertas Lejar, Jurnal dan helaian tambahan yang disediakan dalam kertas peperiksaan ini. Sekiranya tidak mencukupi, anda boleh mendapatkan helaian tambahan daripada pengawas peperiksaan.*
4. *Markah yang diperuntukkan bagi setiap soalan atau ceraiian soalan ditunjukkan dalam kurungan.*
5. *Jika anda hendak menukar jawapan, batalkan dengan kemas jawapan yang telah dibuat. Kemudian tulis jawapan yang baharu.*
6. **Tunjukkan kerja mengira.** *Ini membantu anda mendapatkan markah.*
7. *Mulakan jawapan bagi setiap soalan pada helaian yang baharu.*
8. *Anda dibenarkan menggunakan kalkulator saintifik.*
9. *Ceraikan kertas Lejar, Jurnal dan helaian tambahan daripada kertas peperiksaan ini. Ikat bersama dan serahkan kepada pengawas peperiksaan pada akhir peperiksaan.*
10. *Anda diingatkan untuk menulis Nombor Kad Pengenalan dan Angka Giliran di setiap kertas Lejar, Jurnal dan helaian tambahan yang digunakan untuk menulis jawapan.*

SPM 2020

Kertas peperiksaan ini mengandungi 43 halaman bercetak dan 1 halaman tidak bercetak.
(Nota penerbit: Bilangan halaman dalam buku ini telah diubah suai)

[Lihat halaman sebelah

Bahagian A**[60 markah]***Jawab semua soalan.*

- 1 (a) Baca petik akhbar berikut:

KUALA LUMPUR, 4 APRIL 2019, seorang Pengurus Kewangan Syarikat Anje Berhad, Encik Khai Azam Bin Abdullah (bukan nama sebenar) telah didapati bersalah atas tuduhan pecah amanah yang melibatkan RM1.5 juta di Mahkamah Tinggi hari ini.

Sumber: Diubahsuai daripada *New Straits Times*, 5 April 2019

Berdasarkan petikan tersebut, nyatakan dua kod etika yang tidak dipatuhi oleh individu berkenaan. [2 markah]

- (b) Imbangan Duga yang seimbang tidak semestinya betul. Jelaskan. [2 markah]
- (c) Kelab Memanah Wira telah menerima hasil sewaan alatan daripada belia taman berkenaan. Kelab juga mengutip derma untuk membeli peralatan kelab yang baharu. Kategorikan sumber hasil kelab berkenaan. [4 markah]
- (d) Apakah perbezaan antara liabiliti semasa dan liabiliti bukan semasa. [2 markah]

2 Perkongsian Sita dan Tan berkongsi untung dan rugi dengan nisbah 3:2.

Maklumat berikut diperolehi daripada buku perkongsian Sita dan Tan pada 31 Julai 2020.

	RM	RM
Aset Bukan Semasa		
Loji dan mesin		54 540
Aset Semasa		
Inventori	8 300	
Akaun Belum Terima	17 140	
	<u> </u>	25 440
Jumlah Aset		<u>79 980</u>
Ekuiti dan Liabiliti		
Modal Sita	30 000	
Modal Tan	25 000	
	<u> </u>	55 000
Akaun Semasa Sita	11 020	
Akaun Semasa Tan	(3 090)	
	<u> </u>	7 930
		<u>62 930</u>
Liabiliti Semasa		
Akaun Belum Bayar	13 100	
Bank	3 950	
	<u> </u>	17 050
Jumlah Ekuiti dan liabiliti		<u>79 980</u>

Pada 31 Julai 2020, pekongsi Sita dan Tan bercadang membubarkan perkongsian mereka. Berikut adalah maklumat yang perlu diambil kira semasa proses pembubaran.

- (i) Inventori diambil alih oleh pekongsi Tan pada nilai RM7 500.
- (ii) Perbelanjaan Pembubaran RM1 260 dibayar menggunakan cek.
- (iii) Diskaun diterima daripada pembekal ialah RM140. Baki Akaun Belum Bayar dijelaskan dengan cek.
- (iv) Loji dan mesin dijual pada harga RM61 900.
- (v) Akaun Belum Terima Jane sebanyak RM260 dianggap sebagai hutang lapuk. Akaun Belum Terima yang lain dijelaskan menggunakan cek.

Anda dikehendaki menyediakan:

- | | |
|---------------------------------------|-------------|
| (a) Akaun Realisasi | [10 markah] |
| (b) Akaun Semasa Pekongsi (beruangan) | [3 markah] |
| (c) Akaun Modal Pekongsi (beruangan) | [6 markah] |
| (d) Akaun Bank | [6 markah] |

- 3 Bunga, seorang pemilik perniagaan milik tunggal, menyediakan maklumat perniagaannya yang berakhir pada 31 Julai 2020.

	RM
Peruntukan Hutang Ragu	470
Bank	6 170
Angkutan Masuk	875
Angkutan Keluar	1 930
Tunai	2 000
Modal pada 1 Ogos 2019	36 744
Belanja Am	19 390
Insurans	2 160
Inventori pada 1 Ogos 2019	18 750
Mesin - harga kos	29 300
Susut Nilai Terkumpul Mesin pada 1 Ogos 2019	12 150
Kenderaan - harga kos	41 500
Susut Nilai Terkumpul Kenderaan pada 1 Ogos 2019	14 400
Belanja Penyelenggaraan Kenderaan	8 804
Belian	99 400
Sewa	12 800
Belanja Pembaikan	2 015
Pulangan Masuk	1 295
Pulangan Keluar	1 160
Jualan	224 250
Gaji	41 930
Akaun Kawalan Belum Bayar	17 745
Akaun Kawalan Belum Terima	18 600

Maklumat berikut belum diambil kira.

(i) Inventori akhir:

Produk				
	D	E	F	Jumlah
	RM	RM	RM	RM
Kos	11 834	2 970	6 240	21 044
Harga semasa	19 140	4 340	3 190	26 670

- (ii) Jumlah belian adalah termasuk bayaran alat tulis berjumlah RM1 835.
- (iii) Inventori akhir alat tulis RM165.
- (iv) Peruntukan Hutang ragu diselaraskan kepada 4% daripada Akaun Belum Terima.
- (v) Mesin disusutnilaikan pada kadar 15% setahun menggunakan kaedah garis lurus. Kenderaan pula disusutnilaikan pada kadar 20% setahun atas baki berkurangan.
- (vi) Bunga mengambil tunai RM1 500 dan barang niaga RM7 300 untuk kegunaan sendiri. Perkara ini belum direkodkan.
- (vii) Bayaran insurans atas belian RM360 telah termasuk dalam bayaran insurans RM2 160.
- (viii) Belanja prabayar pada 31 Julai 2020:
- Sewa RM2 500
 - Belanja penyelenggaraan kenderaan RM680

Anda dikehendaki menyediakan:

- (a) Akaun Perdagangan dan Untung Rugi bagi tahun berakhir 31 Julai 2020.

[15 markah]

- (b) Penyata Kedudukan Kewangan pada 31 Julai 2020 dengan menunjukkan modal kerja.

[10 markah]

Bahagian B

[40 markah]

Jawab mana-mana **dua** soalan daripada bahagian ini.

- 4 Pada 1 Februari 2019, Syarikat Pink Berhad menerbitkan syer seperti berikut:

500 000 syer biasa pada harga RM0.50 sesyer
300 000 unit 8% syer keutamaan pada harga RM2.00 sesyer

Semua syer telah dilanggan dan dibayar penuh pada 1 Mac 2019. Tempoh perakaunan syarikat berakhir 31 Disember setiap tahun.

Syarikat memerlukan modal tambahan. Lembaga Pengarah dalam mesyuaratnya telah memutuskan untuk membuat terbitan syer kali kedua. Pada 25 Mac 2019, syarikat menerbitkan 300 000 syer biasa RM1.00 sesyer. Semua syer telah dilanggan dan berbayar penuh pada 1 April 2019.

Pada 31 Julai 2019, Lembaga Pengarah Syarikat Pink Berhad bersetuju untuk membayar dividen interim kepada semua pemegang syer. Dividen syer biasa dibayar pada kadar 4%.

Pada 1 Oktober 2019, Syarikat Pink Berhad menerbitkan 100 000 unit 6% syer keutamaan pada harga RM2.00 sesyer bagi menampung kos projek baharu yang diperoleh. Semua syer dilanggan dan dibayar penuh pada 31 Oktober 2019.

Pada 31 Disember 2019, Lembaga Pengarah telah memutuskan pembayaran dividen akhir kepada pemegang syer keutamaan dan RM0.02 sesyer kepada pemegang syer biasa.

Anda dikehendaki:

- (a) Menghitung modal diterbitkan dan berbayar penuh bagi kedua-dua syer pada tarikh berikut:
- (i) Terbitan pertama pada 1 Mac 2019. [2 markah]
 - (ii) Terbitan kedua pada 1 April 2019. [1 markah]
 - (iii) Terbitan ketiga 31 Oktober 2019. [1 markah]
- (b) Menyediakan catatan lejar bagi merekod terbitan dan pembayaran pertama bagi syer keutamaan. [4 markah]
- (c) Menghitung
- (i) Dividen interim. [3 markah]
 - (ii) Dividen akhir. [3 markah]
- (d) Menunjukkan bahagian ekuiti pemilik dalam Penyata Kedudukan Kewangan pada 31 Disember 2019. [4 markah]
- (e) Nyatakan perbezaan antara syer biasa dengan syer keutamaan. [2 markah]

- 5 GG Gadget merupakan perniagaan milikan tunggal yang menjalankan perniagaan alatan komunikasi sejak lima tahun yang lepas.

Berikut ialah baki-baki yang diperolehi daripada buku-buku perakaunan pada 1 Julai 2019.

	RM
Tunai	3 200
Bank	32 400
Inventori	35 450
Kelengkapan	11 500
Premis	200 000
Akaun Belum Terima:	
Infinity Phone Store	6 200
J2 Mobile Shop	800
Akaun Belum Bayar:	
One Enterprise	7 900

Dokumen berikut menunjukkan urus niaga yang berlaku sepanjang bulan Julai 2019.

SALINAN	INVOIS	INV101		
GG Gadget No. 55, Jalan Satu, Kg. Pandan, 55200 Kuala Lumpur 03-29646020				
Kepada: Infinity Phone Store Lot 225, Jalan Kuching 50480 Kuala Lumpur		Tarikh: 8 Julai 2019		
No.	Butir	Harga (RM)	Unit	Jumlah (RM)
1	Handphone Eppo X230	1 200.00	10	12 000.00
2	Powerbank Keeda VI	80.00	10	800.00
				12 800.00
Tolak: Diskaun tunai 10%				1 280.00
JUMLAH				11 520.00
Ringgit: Sebelas ribu lima ratus dua puluh sahaja.				
Diskaun tunai: 5% 15 hari, 2% 30 hari				
Angkutan dibayar				
K & K diK				
<i>wak</i>		<i>bida</i>		
(Penerima)		(Pengurus)		

Dokumen 1

ASAL	INVOIS			INV2320
	Ezy Gadget Supplies 504, Lorong Kemuning 4 09000 Kulim, Kedah 04-48052675			
Kepada: GG Gadget No. 55, Jalan Satu, Kg. Pandan, 55200 Kuala Lumpur			Tarikh: 10 Julai 2019	
No.	Butir	Harga (RM)	Unit	Jumlah (RM)
1	Handphone Evi P100	1 400.00	10	14 000.00
2	Handphone Nokki S20	1 100.00	10	11 000.00
				25 000.00
Tolak: Diskaun niaga 10%				2 500.00
JUMLAH				22 500.00

Ringgit: Dua puluh dua ribu lima ratus sahaja.
Diskaun tunai: 5% 15 hari, 2% 30 hari
Angkutan dibayar
K & K diK

bida
Penerima

Awic
Pengurus

Dokumen 2

MEMO	
GG Gadget No. 55, Jalan Satu, Kg. Pandan, 55200 Kuala Lumpur 03-29646020	
Kepada: Pengurus Akaun	
Daripada: Mary Jean, Pengarah Urusan	
Tarikh: 12 Julai 2019	
J2 Mobile Shop membayar 40% daripada hutangnya dengan cek (No. cek: UBB105478). Baki hutangnya dianggap sebagai hutang lapuk.	
<i>Mary Jean</i> ----- Pengarah Urusan	

Dokumen 3

RESIT RASMI	ASAL
One Enterprise No. 4, Galeri Arked Mara Jalan Raja Laut, 57200 Kuala Lumpur Tel.: 03-62107654	No: OR0890 Tarikh: 12 Julai 2019
Diterima daripada: <u>GG Gadget</u>	
Jumlah: <u>Tujuh ribu tujuh ratus empat puluh dua sahaja</u>	
Bayaran untuk: <u>Menjelaskan sepenuhnya baki hutang pada 1 Julai 2019</u> <u>(diskaun RM158.00)</u>	
RM7 742.00	
Funai / No. cek: MBB101197	
<u>Ali</u> Pengurus	

Dokumen 4

ASAL	NOTA KREDIT	CN16/1651		
	Ezy Gadget Supplies 504, Lorong Kemuning 4, 09000 Kulim, Kedah 04-48052675			
Kepada: GG Gadget No. 55, Jalan Satu, Kg. Pandan, 55200 Kuala Lumpur		Tarikh: 17 Julai 2019		
Akaun tuan / puan telah dikreditkan seperti berikut:				
Bil.	Butir	Kuantiti	Harga Seunit (RM)	Jumlah (RM)
1	Handphone Evi P100 (Dipulangkan kerana salah jenama)	2	1 400.00	2 800.00
Tolak: Diskaun niaga 10%				280.00
JUMLAH				2 520.00
Ringgit: Dua ribu lima ratus dua puluh sahaja.				
<u>Awic</u> Pengurus				

Dokumen 5

BIL TUNAI GG Gadget No. 55, Jalan Satu, Kg. Pandan, 55200 Kuala Lumpur 03-29646020	SALINAN No: CR0201																				
Kepada: K9 Mobile Shop B-0-13, Jalan Perkasa, Taman Maluri, 50650 Kuala Lumpur	Tarikh: 18 Julai 2019																				
<table border="1" style="width: 100%; border-collapse: collapse;"> <thead> <tr> <th style="width: 5%;">Bil.</th> <th style="width: 45%;">Butir</th> <th style="width: 15%;">Harga (RM)</th> <th style="width: 10%;">Unit</th> <th style="width: 25%;">Jumlah (RM)</th> </tr> </thead> <tbody> <tr> <td style="text-align: center;">1</td> <td>Handphone Nokki S20</td> <td style="text-align: right;">1 500.00</td> <td style="text-align: center;">5</td> <td style="text-align: right;">7 500.00</td> </tr> <tr> <td style="text-align: center;">2</td> <td>Powerbank Keeda VI</td> <td style="text-align: right;">80.00</td> <td style="text-align: center;">10</td> <td style="text-align: right;">800.00</td> </tr> <tr> <td colspan="4" style="text-align: right;">JUMLAH</td> <td style="text-align: right;">8 300.00</td> </tr> </tbody> </table>		Bil.	Butir	Harga (RM)	Unit	Jumlah (RM)	1	Handphone Nokki S20	1 500.00	5	7 500.00	2	Powerbank Keeda VI	80.00	10	800.00	JUMLAH				8 300.00
Bil.	Butir	Harga (RM)	Unit	Jumlah (RM)																	
1	Handphone Nokki S20	1 500.00	5	7 500.00																	
2	Powerbank Keeda VI	80.00	10	800.00																	
JUMLAH				8 300.00																	
Ringgit: Lapan ribu tiga ratus sahaja Tunai / No. cek: UBB105480																					
<div style="display: flex; justify-content: center; align-items: center; gap: 50px;"> <div style="text-align: center;"> <hr style="width: 100px; border: 0.5px solid black;"/> bida Pengurus </div> </div>																					

Dokumen 6

BAUCER PEMBAYARAN GG Gadget No. 55, Jalan Satu, Kg. Pandan, 55200 Kuala Lumpur 03-29646020	No:V004									
Kepada: Ibrahim bin Yusof	Tarikh: 24 Julai 2019									
<table border="1" style="width: 100%; border-collapse: collapse;"> <thead> <tr> <th style="width: 5%;">Bil.</th> <th style="width: 70%;">Butir</th> <th style="width: 25%;">Jumlah (RM)</th> </tr> </thead> <tbody> <tr> <td style="text-align: center;">1</td> <td>Bayaran gaji bagi bulan Julai 2019</td> <td style="text-align: right;">2 000.00</td> </tr> <tr> <td colspan="2" style="text-align: right;">JUMLAH</td> <td style="text-align: right;">2 000.00</td> </tr> </tbody> </table>		Bil.	Butir	Jumlah (RM)	1	Bayaran gaji bagi bulan Julai 2019	2 000.00	JUMLAH		2 000.00
Bil.	Butir	Jumlah (RM)								
1	Bayaran gaji bagi bulan Julai 2019	2 000.00								
JUMLAH		2 000.00								
Ringgit: Dua ribu sahaja. Tunai / No. cek: MBB101198										
<div style="display: flex; justify-content: space-between; align-items: center; gap: 100px;"> <div style="text-align: center;"> <hr style="width: 100px; border: 0.5px solid black;"/> Ibrahim Diterima oleh </div> <div style="text-align: center;"> <hr style="width: 100px; border: 0.5px solid black;"/> bida Diluluskan oleh </div> </div>										

Dokumen 7

MESRA BANK BERHAD

DATE: 28 July 2019

TIME: 09:30

ATM ID: 0641

TRACE NO: 982070

TRANS TYPE : CASH DEPOSIT / PAYMENT

AMOUNT : RM2 500.00

FUNDS AVAIL : RM31 278.00

A/C BAL : RM33 778.00

TRANS STATUS: ACCEPTED

RESP CODE : 2002

TO A/C NO : 78-900-0100XX-X

****WITHOUT PREJUDICE****

[Your data privacy is important to us. Please view our Privacy Notice at www.mesrabank.com.my for details]

Dokumen 8

Berdasarkan dokumen dan maklumat yang diberi, **anda dikehendaki**

(a) menyediakan yang berikut:

- (i) Jurnal Am (keterangan tidak diperlukan) [5 markah]
- (ii) Jurnal Jualan [2 markah]
- (iii) Jurnal Pulangan Belian [2 markah]
- (iv) Buku Tunai (gunakan **Lampiran A**) [7 markah]

- (b)
- (i) menuliskan urus niaga yang berlaku pada **Dokumen 2**. [2 markah]
 - (ii) mengira jumlah yang perlu dibayar kepada Ezy Gadget Supplies jika invoice INV2320 dijelaskan pada 30 Julai 2019. [2 markah]

- 6 (a) Penyata bank yang diterima oleh Cawan Cafe bagi bulan berakhir 31 Mac 2020 menunjukkan baki RM5 998 manakala baki Buku Tunai ialah RM6 245.

Perbezaan baki adalah disebabkan oleh perkara berikut:

- (i) Cek kepada Pembekal Ana RM1 550 masih belum didebitkan oleh pihak bank.
- (ii) Sebanyak RM240 untuk dividen telah dikreditkan ke dalam akaun bank.
- (iii) Cek daripada Connie RM1 500 belum didepositkan.
- (iv) Sewa telah dibayar sebanyak RM400 atas perintah sedia ada.
- (v) Cek kepada Restoran Bonda RM796 telah direkodkan sebagai RM679 dalam Buku Tunai.
- (vi) Caj bank RM20 belum direkodkan dalam Buku Tunai.

Anda dikehendaki menyediakan Penyata Penyesuaian Bank bagi Cawan Cafe pada 31 Mac 2020 tanpa mengemaskini Buku Tunai. [7 markah]

- (b) Pada 1 Jun 2020, Perniagaan Elyna mempunyai maklumat seperti berikut:

	RM
Kenderaan	5 000
Inventori	2 500
Akaun Belum Terima	4 500
Bank	4 000
Akaun Belum Bayar	1 600
Modal	?

Urus niaga berikut berlaku pada bulan Jun 2020.

- (i) Membayar Akaun Belum Bayar RM100
- (ii) Belian barang niaga bernilai RM1 800 secara kredit
- (iii) Menerima cek daripada Akaun Belum Terima RM2 600
- (iv) Jualan secara kredit RM2 400 bagi inventori bernilai RM1 600
- (v) Menerima inoivis RM268 untuk membaiki kenderaan
- (vi) Elyna mengambil inventori bernilai RM120 untuk kegunaan sendiri

Anda dikehendaki melengkapkan jadual di **Lampiran B** dengan menunjukkan kesan urus niaga tersebut dengan lengkap.

Urus niaga (i) telah ditunjukkan sebagai contoh.

[13 markah]